

MTC terima kunjungan warga IPT

Kuala Lumpur: Majlis Perindustrian Malaysia (MTC) menganjurkan program lawatan sambil belajar untuk pensyarah universiti tempatan dalam usaha meningkatkan kefahaman mengenai perhutanan dan industri perkayuan Malaysia menerusi peluang lawatan ke pelbagai syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif MTC, Datuk Yeo Heng Hau, berkata program itu memudahkkan hubungan kerja antara industri dan ahli akademik bagi meningkatkan potensi kerjasama seperti latihan kerja perindustrian, dan inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“IPT boleh mendapat banyak manfaat daripada kerjasama rapat dengan syarikat ini dan menurunkan pengetahuan serta pengalaman yang diperoleh kepada pelajar mereka.

“Usaha memastikan pelajar mengikuti perkembangan terkini mengenai isu dalam persekitaran dunia sebenar bermakna melengkapkan mereka



dengan pengetahuan yang relevan dan praktikal mengenai teknologi serta inovasi terkini dalam industri untuk membina asas yang kukuh untuk permulaan kerjaya pelajar,” katanya.

Timba pengalaman

Program empat hari itu disertai lapan pensyarah dengan pengkhususan dalam bidang Perhutanan, Seni Reka Dalam & Perabot dan Seni Bina dari institusi pengajian

tinggi (IPT) terdiri daripada Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, SEGi University College (SEGi) dan KBU International College.

Pada program itu, mereka berpeluang melawat tujuh kilang pertukangan kayu di Lembah Klang dan Mentakab, Pahang untuk meninjau amalan perindustrian semasa dan perjalanan sebenar industri

perkayuan tempatan.

Lawatan itu juga memberi peluang kepada mereka untuk membina rangkaian dengan pihak industri bagi membantu mereka menambah baik kurikulum pengajaran dengan menerapkan kajian kes amali dan pengalaman dunia sebenar ke dalam pembelajaran bilik darjah.

Sementara itu, Ketua Pusat Pengajian (Seni Bina Dalam) Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur, UiTM, Dr Mohd Zafrullah Mohd Taib, berkata langkah MTC menganjurkan program lawatan sambil belajar itu harus dipuji kerana

memberi manfaat terutama kepada pensyarah.

Tingkat pengetahuan

“Kami jarang mendapat peluang untuk memerhatikan kerja sebenar dalam pembangunan produk berasaskan kayu, justeru program ini memberi pengalaman amali dan perspektif berlainan daripada pembelajaran teori.

“Peluang melihat dan mengalami sendiri kerja membabitkan pengeluaran produk pasti menambah kefahaman saya mengenai teknik dan proses mekanikal yang terbabit. Program ini memberi dorongan baru kepada modul pengajaran

saya,” katanya.

Pensyarah Kanan/Pereka Hiasan Dalam Fakulti Seni Kreatif & Seni Reka SEGi, Marliana Mansor, berkata lawatan pertama ke kilang itu membolehkan beliau mendapat kefahaman lebih baik mengenai pengalaman kerja sebenar.

“Terdapat kurang kesedaran mengenai kayu Malaysia dalam kalangan arkitek dan pereka tempatan, termasuk saya sendiri, jadi dengan menyertai program ini, saya dapat memahami istilah teknikal berkaitan kayu dan belajar pantang larang dalam kerja pertukangan kayu,” katanya.



Program Lawatan Sambil Belajar MTC Tawarkan Pengalaman Pembelajaran Di Luar Kampus.